

TARIKH	17 / 8 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	20	RUANGAN	Nasional

Tabung Haji agih RM1.3j kepada 2,600 asnaf

Johor Bahru: Sejumlah RM1.3 juta diagihkan Tabung Haji (TH) kepada 2,600 asnaf seluruh negara pada tahun ini bagi membantu meringankan beban golongan itu menyambut Aidilfitri.

Ketua Pegawai Operasi TH, Datuk Kamarudin Mat Ali, berkata sumbangan itu adalah sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat pihaknya untuk membantu golongan kurang bernasib baik.

Usaha dekati masyarakat

Katanya, ia turut menjadi asas kepada syarikat itu untuk terus mendekati masyarakat selain membantu mereka yang memerlukan.

“Walaupun sumbangan ini bercorak sementara dan tidak mungkin meringankan penderitaan mereka sepanjang masa, ia tetap menggembirakan penerima kerana masih ada pihak yang prihatin nasib mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis sumbangan hari raya TH negeri di sini, semalam. Hadir sama, Penasihat Majlis Agama Islam Johor (MAIJ), Datuk Noh Gadot dan Pengarah Jabatan Agama Johor (JAJ), Datuk Abdul Razak Hassan.

Pada majlis itu, sejumlah RM65,000 sumbangan hari raya diagihkan kepada 186 individu iaitu ibu tunggal serta warga tua sekitar Johor Bahru dan Pontian.

Sementara itu, Abdul Razak berkata, usaha yang dilaksanakan TH itu adalah sesuatu yang sangat baik dan ia secara tidak langsung menunjukkan keprihatinan mereka kepada masyarakat.